

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Nota Penting: Produk ini ditaja jamin oleh Hong Leong Assurance Berhad, sebuah syarikat insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Sila rujuk kontrak polisi untuk definisi istilah yang huruf besar.

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat utama mengenai rider anda. Pelanggan lain telah membaca Risalah Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda juga digalakkan untuk membaca Risalah Pendedahan Produk ini.**

1 Apakah Living Care Waiver of Premium Rider?

Living Care Waiver of Premium Rider ialah rider potongan unit yang menyediakan faedah pembayar sekiranya berlaku kematian, Hilang Keupayaan Menyeluruh dan Kekal (TPD), Hilang Keupayaan Warga Emas (OAD), atau didiagnosis Penyakit Kritikal tertentu.

2 Ketahui Perlindungan/Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, kami akan menolak unit daripada Nilai Akaun anda untuk membayar caj insurans anda dan anda akan menerima **perlindungan/faedah** insurans berikut.

Perlindungan yang dinyatakan dalam jadual di bawah adalah untuk Pemunya Polisi, kecuali dinyatakan sebaliknya.

Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut mengenai caj insurans.

Faedah Pembayar	- Kami akan membayar Jumlah Rider Diinsuranskan (RM100,000.00) ke dalam polisi untuk mengimbangi premium masa depan sehingga tarikh penamatan rider tersebut atau polisi pelan asas ditamatkan, mana-mana yang terdahulu, sekiranya berlaku kematian, TPD (sebelum mencapai umur 65 tahun), OAD (selepas mencapai umur 65 tahun), atau didiagnosis dengan sebarang Penyakit Kritikal yang dilindungi (kecuali Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari). - Bagi faedah Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari, kami akan membayar 10% daripada Jumlah Rider Diinsuranskan ke dalam Polisi untuk mengimbangi premium masa depan sehingga tarikh penamatan rider tersebut atau pelan asas ditamatkan, mana-mana yang terdahulu, tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM25,000.00. Pembayaran tersebut akan mengurangkan Faedah Pembayar rider ini. - Kami akan menamatkan rider ini selepas kelulusan sebarang tuntutan faedah di bawah rider ini kecuali bagi Faedah Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari.
-----------------	---

Penyakit Kritikal yang dilindungi di bawah rider ini termasuk:

1. Strok	18. Pemindahan Organ Utama/Sumsum Tulang	36. Kardiomiopati
2. Serangan Jantung	19. Hilang Keupayaan Bertutur	37. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Teruk
3. Kegagalan Ginjal	20. Pembedahan Otak	38. Jangkitan Virus Imunodifiensi Manusia (HIV) Disebabkan Pekerjaan
4. Kanser	21. Pembedahan Injap Jantung	39. AIDS Peringkat Teruk
5. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	22. Kehilangan Upaya Hidup Berdikari	40. Penyakit Terminal
6. Penyakit Arteri Koronari Serius	23. Jangkitan HIV Akibat Pemindahan Darah	41. Sindrom Apalik
7. Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari	24. Meningitis Bakteria	42. Pankreatitis Berulangan Kronik
8. Kegagalan Hati Peringkat Akhir	25. Trauma Kepala yang Teruk	43. Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)
9. Hepatitis Virus Fulminan	26. Anemia Aplastik Kronik	44. Elephantiasis
10. Koma	27. Penyakit Neuron Motor	45. Poliomieltitis
11. Tumor Otak Benigna	28. Penyakit Parkinson	46. Scleroderma Progresif
12. Kelumpuhan Anggota Badan	29. Penyakit Alzheimer/Dementia Teruk	47. Hepatitis Autoimun Kronik
13. Buta	30. Distrofi Otot	48. Sindrom Eisenmenger Teruk
14. Pekak	31. Pembedahan Aorta	49. Demam Hemoragik Ebola
15. Kelecuman Darjah Ketiga	32. Sklerosis Berbilang	
16. Penyakit Paru-paru Peringkat Akhir	33. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	
17. Ensefalitis	34. Penyakit Sistik Medular	

Nota: Sila baca Risalah Maklumat Produk atau kontrak polisi anda untuk maklumat lanjut mengenai perlindungan Penyakit Kritikal, serta terma dan syarat faedah bagi rider ini.

Sila rujuk Ilustrasi Produk, Risalah Maklumat Produk, dan kontrak polisi untuk maklumat lanjut.

Rider anda **mengecualikan**:

- Bunuh diri – sekiranya kematian disebabkan oleh bunuh diri dalam **12** bulan dari Tarikh Pengeluaran, Tarikh Berkuatkuasa Pemindaan, atau Tarikh Pengembalian Semula, mana-mana yang terkemudian.
- Ketidakupayaan yang menyebabkan tuntutan Hilang Keupayaan Menyeluruh dan Kekal (TPD)/ Hilang Keupayaan Warga Emas (OAD) wujud pada Tarikh Pengeluaran, Tarikh Berkuatkuasa Pemindaan, atau Tarikh Pengembalian Semula, mana-mana yang terkemudian.
- TPD/OAD:
 - i) akibat sebarang kecederaan diri yang disengajakan sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman;
 - ii) akibat penerbangan dalam pesawat (kecuali sebagai anggota kru udara atau sebagai penumpang biasa yang membayar tambang, dalam penerbangan berjadual biasa syarikat penerbangan komersial); atau
 - iii) akibat sebarang semasa berkhidmat sebagai anggota angkatan tentera, polis, dan pasukan separa tentera akibat peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan rusuhan atau kekecohan awam.
- Keadaan kesihatan yang telah anda alami sebelum membeli pelan ini (iaitu keadaan pra-wujud).
- Tanda-tanda atau gejala-gejala Penyakit Kritikal dimanifestasikan sebelum, atau dalam tempoh 30 hari dari Tarikh Pengeluaran, Tarikh Berkuatkuasa Pemindaan, atau sebarang Tarikh Pengembalian Semula rider ini, mana-mana yang terkemudian, kecuali Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, Kanser, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Serangan Jantung, atau Penyakit Arteri Koronari Serius, di mana tanda atau gejala dimanifestasikan sebelum atau dalam 60 hari dari Tarikh Pengeluaran, Tarikh Berkuatkuasa Pemindaan, atau sebarang Tarikh Pengembalian Semula bagi rider ini, mana-mana yang terkemudian.
- Penyakit Kritikal:
 - i) didiagnosis, sama ada secara langsung atau tidak langsung, disebabkan oleh kecacatan kongenital atau penyakit, yang telah dimanifestasikan atau didiagnosis sebelum hayat dilindungi mencapai umur 17 tahun.
 - ii) disebabkan secara langsung daripada alkohol atau penyalahgunaan dadah.
 - iii) di mana pada pendapat tunggal dan mutlak Syarikat, adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Imunodefisiensi Manusia (HIV).

Nota: Sila rujuk Risalah Maklumat Produk atau kontrak polisi untuk butiran pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai rider anda, anda boleh:



Hubungi kami di
03-7650 1288



Layari kami di:
<https://www.hla.com.my/ms/home.html>



E-mel kami di:
customerservice@hla.hongleong.com.my



Imbas kod QR
untuk Risalah Maklumat Produk

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk rider ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	Tidak berkenaan. Ini adalah rider potongan unit.
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Jumlah Komisen	Tidak berkenaan. Ini adalah rider potongan unit.
Caj lain yang berkenaan	Caj Insurans. Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut.

4 Terma Utama Lain

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur anda yang betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau rider ditamatkan.
- Anda harus memastikan bahawa rider ini akan memenuhi keperluan anda.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Anda harus merujuk kepada Risalah Maklumat Produk atau kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- Tempoh bertenang:** Anda boleh membatalkan rider anda dalam tempoh 15 hari selepas rider anda diserahkan kepada anda. Caj insurans yang telah anda bayar (tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang dikenakan) akan dikembalikan kepada anda.
- Selepas tempoh bertenang:** Anda boleh membatalkan rider anda dan pembatalan rider akan berkuatkuasa dari ulang tahun bulanan seterusnya.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong Leong Assurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

NOTA PENTING:
ANDA HARUS MEMASTIKAN BAHAWA RIDER INI BENAR-BENAR MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ANDA ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.